

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik dari tahun 2004 - 2014, mengikut statistik tahunan, jumlah suspek yang didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 dan berapakah suspek yang telah disabitkan dan dihukum.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah orang yang dipertuduh di bawah Akta Hasutan 1948 sejak tahun 2004 hingga 2014 mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

Tahun	Jumlah Tertuduh
2007	1
2009	1
2011	1
2013	8
2014	12
Jumlah	23

2. Daripada jumlah tersebut, 4 orang tertuduh telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman di bawah Akta Hasutan 1948 manakala seorang tertuduh telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman bagi pertuduhan pilihan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
3. Tiada pendakwaan dibuat di bawah Akta Hasutan 1948 pada tahun 2004, 2005, 2006, 2008, 2010 dan 2012.

Sekian, terima kasih.